



"SATU MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

2605

Pen. Pengira (7).2(M)
Sila kebalikan melalui portal

Rujukan Kami: KP.BPM/1/001/21 Jld. 12 (50)


Tarikh: 13 Oktober 2009

Semua Setiausaha / Pengarah Bahagian

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

En. Hazlen (Penyelia Maklumat)
Sila kebalikan
19/10/09



PENYEKATAN APLIKASI JARINGAN SOSIAL DI KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya telah diarah menarik perhatian Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan mengenai perkara yang tersebut di atas.

2. Untuk makluman Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, pihak MAMPU telah mengeluarkan **Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil. 1 Tahun 2003 bertajuk Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-Agensi Kerajaan** bagi memenuhi keperluan penggunaan, langkah-langkah perlindungan dan penguatkuasaan, agar penggunaan internet dan e-mel yang terkawal dan perlindungan keselamatan yang lebih mantap dapat diwujudkan.

3. Walau bagaimanapun pihak MAMPU ada menerima satu aduan yang disalurkan melalui **Y.Bhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara** berhubung penyalahgunaan aplikasi jaringan sosial terutamanya **Facebook, Friendster, MySpace dan Twitter** oleh penjawat-penjawat awam pada waktu pejabat untuk tujuan peribadi. Penyalahgunaan kemudahan ICT ini untuk tujuan peribadi semasa waktu pejabat boleh menjejaskan fokus penjawat-penjawat awam dalam menjalankan tugas rasmi. Sekiranya perkara ini tidak dikawal, ia akan menjejaskan prestasi dan imej agensi serta keseluruhan perkhidmatan awam.

4. Lanjutan dari perkara ini, Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) akan mengambil tindakan untuk **menyekat semua aplikasi jaringan sosial dengan serta merta** di semua capaian talian rangkaian Kementerian Pelajaran Malaysia bagi mematuhi peraturan yang ditetapkan.

5. Kerjasama dan perhatian pihak Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam hal ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(WAN YUSOFF BIN WAN MAACOB)
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia

Salinan Kepada :

1. Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia
2. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
3. Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)
Kementerian Pelajaran Malaysia
4. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Pelajaran Malaysia
5. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
(Sektor Dasar Dan Pembangunan Pendidikan)
Kementerian Pelajaran Malaysia
6. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
(Sektor Operasi Pendidikan)
Kementerian Pelajaran Malaysia
7. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
(Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan)
Kementerian Pelajaran Malaysia
8. SUSK Menteri Pelajaran Malaysia
9. SUSK Timbalan Menteri Pelajaran I
10. SUSK Timbalan Menteri Pelajaran II